



IKON...Muhyiddin memakaikan jubah Ikon Membaca Kebangsaan kepada Dr Mahathir.

Metro 15/5/2012 MS9.

# Perluas pustaka digital

Akses mudah boleh galak tabiat  
membaca di kalangan rakyat

**K**UALA LUMPUR: Sudah sampai masanya penggunaan perpustakaan digital diperluaskan bagi memudahkan pengguna mengakses pelbagai bahan ilmiah dengan lebih pantas, sekali gus meningkatkan kadar membaca di kalangan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, selaras perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi, penggunaan perpustakaan digital wajar diperluaskan bagi membolehkan pengguna membaca secara atas talian.

“Saya percaya sekiranya kita ingin berada di hadapan dalam persaingan memperoleh ilmu serta maklumat, kita perlu memanfaatkan segala kelebihan dunia teknologi maklumat dan komunikasi sebaik mungkin,” katanya dalam ucapan pada majlis pelancaran Ikon Membaca Kebangsaan dan Penyemarakan Kempen Nilai Murni 1Malaysia di Perpustakaan Negara di sini, semalam.

Pada majlis itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Ikon Membaca Kebangsaan.

Hadir sama, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim; kedua-dua timbalan beliau, Datuk Joseph Salang dan Datuk Maglin Dennis D’Cruz; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk

Seri Kamaruddin Siaraf dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Datuk Raslin Abu Bakar.

Muhyiddin berkata, sehingga kini, negara mempunyai 12,382 perpustakaan di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 9,721 ialah pusat sumber sekolah.

“Berdasarkan perangkaan itu, saya melihat pusat sumber sekolah mempunyai potensi cukup besar untuk mempertingkatkan lagi mutu dan pencapaian perkhidmatannya.

“Selaras dengan usaha menambah baik sistem pendidikan negara, saya melihat peranan pusat sumber sekolah sebagai nadi budaya membaca di kalangan generasi muda perlu diperkasakan lagi. Sehubungan itu, saya mencadangkan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan merangka strategi bersama bagi meningkatkan fungsi serta peranannya,” katanya.

Beliau berkata, pelantikan Dr Mahathir bertepatan kerana ketokohan beliau sebagai pembaca yang tekun, pemikir ulung dan pengungkap idea pembangunan serta kemajuan yang menjadi tunjang sebuah masyarakat maju dan berilmu.

“Saya percaya tabiat membaca menjadikan beliau seorang pemimpin berwawasan dan berpengetahuan luas kerana walaupun dilatih sebagai doktor perubatan, beliau mampu mengungkap idea bernas dalam pelbagai bidang,” katanya.